

Pemilihan tiada kaitan pilihan raya

Oleh Ahmad Zaini Kamaruzzaman

ALOR STAR, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pemilihan pucuk pimpinan Umno November ini adalah pemilihan biasa yang tidak ada kaitan dengan pilihan raya umum.

Sehubungan dengan itu, beliau meminta ahli Umno dan rakyat tidak terlalu ghairah mengenai perhimpunan agung Umno dan pertandingan merebut jawatan tertinggi parti.

Bercakap kepada pemberita di majlis rumah terbuka Aidiladha di kediamannya di Titi Gajah, di sini hari ini, beliau berkata, pemilihan ini seperti pemilihan lain dan tidak penting seperti yang didakwa sesetengah pihak.

"Pemilihan ini tidak terlalu penting dan tidak ada kaitan dengan pilihan raya, walaupun pilihan raya umum diadakan tahun depan.

"Ini cuma pemilihan biasa dalam parti. Ahli

Umno dan rakyat negara ini tidak perlu ghairah mengenai pemilihan parti tidak lama lagi," katanya ketika ditanya mengenai dakwaan sesetengah pihak kononnya pemilihan kali ini penting dan ada kaitan dengan pilihan raya umum.

Perdana Menteri juga berkata kerajaan masih mempunyai tempoh sehingga Disember 1995 untuk mengadakan pilihan raya umum dan berpendapat ia masih lagi jauh.

Mengenai keengganan parti pemerintah Kerajaan Sabah dan Kelantan menyertai Barisan Nasional (BN), Dr Mahathir berkata, kedua-dua negeri itu akan terus rugi jika masih berdegil.

Beliau berkata, BN menawarkan pemerintahan terbaik di negara ini dan jika kedua-dua negeri itu menolaknya itu adalah hak mereka kerana BN tidak mengalami kerugian.

"Kita berhasrat menawarkan pemerintahan

yang baik dan Kerajaan Pusat tidak rugi jika ia ditolak.

"Bagaimanapun, jika mereka rugi harap janganlah mempertikaikan kenapa Kerajaan Pusat tidak membantu.

"Mengapa mesti membantu kerajaan yang menentang kita dan yang mempersoalkan pertolongan yang diberikan kepada mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata, Kerajaan Pusat tidak akan membantu mereka yang menyatakan kononnya kerajaan terpaksa menghulurkan bantuan kepada negeri yang diperingkat pembangkang.

"Ini kerana ada yang berkata kita menghulurkan bantuan kerana terpaksa. Bagi mereka yang berlagak seumpama itu tidak akan menerima bantuan," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, Kerajaan Pusat tetap membantu kerajaan negeri yang mengamalkan sikap terbaik-baik.